

Cadangan Pengajaran Buku Bacaan 2 dan Buku Aktiviti 2

| | |
|------------------------------|---|
| Topik | Di Rumah |
| Standard Kandungan | BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis |
| Standard Pembelajaran | BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 2.3.3, BM 2.3.4, BM 2.4.4, BM 3.1.4 |
| Tunjang Bersepadu | FK 1.1, KD 3.2 |
| Bahan Pengajaran | Buku Bacaan 2 – halaman 2 Buku Aktiviti 2 – halaman 2 Komputer riba, layar putih, gambar benda-benda di ruang tamu dan bilik tidur, kertas A4 serta gam |

Aktiviti yang Dicadangkan

Buku Bacaan

- Guru membahagikan kanak-kanak kepada empat kumpulan dan menyelerakkan gambar benda-benda di ruang tamu dan bilik tidur di atas meja setiap kumpulan.
- Guru memaparkan gambar ruang tamu dan bilik tidur pada layar putih.
- Guru meminta kanak-kanak mengenal pasti benda-benda di ruang tamu dan bilik tidur yang terdapat pada layar putih.
- Guru meminta kanak-kanak mencari gambar benda-benda tersebut dan menampatkannya pada kertas A4.
- Guru membimbing kanak-kanak menyebut bahagian rumah dan benda-benda yang terdapat di ruang tamu dan bilik tidur seperti yang terdapat pada halaman 2.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 2.

| | |
|------------------------------|---|
| Topik | Di Rumah |
| Standard Kandungan | BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis |
| Standard Pembelajaran | BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 2.3.4, BM 2.4.4, BM 3.1.5 |
| Tunjang Bersepadu | FK 1.1, KD 3.2 |
| Bahan Pengajaran | Buku Bacaan 2 – halaman 3 Buku Aktiviti 2 – halaman 3 Papan putih, kad perkataan dan pelekat |

Aktiviti yang Dicadangkan

Buku Bacaan

- Guru membahagikan papan putih kepada dua bahagian, iaitu bahagian bilik mandi dan bahagian dapur.
- Guru meminta kanak-kanak menjawab soalan guru dan menampalkan kad perkataan yang betul pada papan putih. Contohnya, guru bertanya “Apakah benda yang digunakan untuk mengeringkan badan selepas mandi?” Kanak-kanak akan menjawab “tuala” dan menampalkan kad perkataan “tuala” tersebut pada papan putih.
- Guru membimbing kanak-kanak menyebut bahagian rumah dan benda-benda yang terdapat di bilik mandi dan dapur seperti yang terdapat pada halaman 3.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 3.

| | |
|------------------------------|---|
| Topik | Di Rumah |
| Standard Kandungan | BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis |
| Standard Pembelajaran | BM 2.4.4, BM 3.1.5 |
| Tunjang Bersepadu | KE 2.1, KD 2.3 |
| Bahan Pengajaran | Buku Bacaan 2 – halaman 4 Buku Aktiviti 2 – halaman 4 |

Aktiviti yang Dicadangkan

Buku Bacaan

- Guru meminta kanak-kanak melakonkan aktiviti seperti mandi, memasak, menonton televisyen dan tidur.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca ayat mudah pada halaman 4.
- Guru juga berbincang dengan kanak-kanak tentang soalan KBAT yang diberi. Contoh jawapan untuk soalan KBAT pada halaman 4 ini ialah mencuci, makan dan minum, menyapu dan sebagainya.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 4.

| | |
|------------------------------|---|
| Topik | Di Rumah |
| Standard Kandungan | BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis |
| Standard Pembelajaran | BM 2.4.4, BM 3.2.3 |
| Tunjang Bersepadu | KD 2.3, KD 3.2 |
| Bahan Pengajaran | Buku Bacaan 2 – halaman 5 Buku Aktiviti 2 – halaman 5 Komputer riba dan layar putih |

Aktiviti yang Dicadangkan

Buku Bacaan

- Guru memaparkan beberapa video yang berkaitan dengan menjaga kebersihan seperti mengemas rumah.
- Guru meminta kanak-kanak menceritakan perbuatan menjaga kebersihan dalam video tersebut.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca ayat mudah pada halaman 5.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 5.

| | |
|------------------------------|--|
| Topik | Di Rumah |
| Standard Kandungan | BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis |
| Standard Pembelajaran | BM 3.1.4, BM 3.1.5 |
| Tunjang Bersepadu | FK 1.1, KD 3.2 |
| Bahan Pengajaran | Buku Bacaan 2 – halaman 6 Buku Aktiviti 2 – halaman 6 Gambar ruang tamu dan dapur serta pensel warna |

Aktiviti yang Dicadangkan**Buku Bacaan**

- Guru memberikan gambar ruang tamu dan dapur kepada kanak-kanak. Terdapat gambar yang tidak sepatutnya berada di ruang tamu dan dapur. Contohnya, gambar kuali di ruang tamu dan gambar telefon di dapur.
- Guru meminta kanak-kanak untuk memangkahkan gambar yang tidak sepatutnya berada di kedua-dua bahagian rumah tersebut.
- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan ulang kaji pada halaman 6.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 6.

| | |
|------------------------------|---|
| Topik | Masa Makan |
| Standard Kandungan | BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis |
| Standard Pembelajaran | BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 2.3.3, BM 2.3.4, BM 2.4.4, BM 3.1.5, BM 3.2.3 |
| Tunjang Bersepadu | FK 1.1, KD 3.2 |
| Bahan Pengajaran | Buku Bacaan 2 – halaman 7 Buku Aktiviti 2 – halaman 7 Gambar makanan dan minuman, papan putih dan pelekat |

Aktiviti yang Dicadangkan**Buku Bacaan**

- Guru membahagikan kanak-kanak kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan makanan dan minuman. Guru memberikan 20 keping gambar makanan dan minuman kepada setiap kumpulan.
- Guru meminta setiap kumpulan untuk menampalkan gambar yang berkaitan dengan kumpulan mereka sebanyak yang mungkin pada papan putih dalam masa 2 minit.
- Kumpulan yang menampalkan gambar paling banyak dan betul akan diberikan ganjaran.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca nama makanan dan minuman serta ayat mudah pada halaman 7.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 7.

| | |
|------------------------------|---|
| Topik | Masa Makan |
| Standard Kandungan | BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis |
| Standard Pembelajaran | BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 2.3.3, BM 2.3.4, BM 2.4.4, BM 3.1.4, BM 3.2.3 |
| Tunjang Bersepadu | FK 1.1, KE 3.3 |
| Bahan Pengajaran | Buku Bacaan 2 – halaman 8 Buku Aktiviti 2 – halaman 8 Huruf daripada kertas warna, kertas A4, pensel dan gam |